



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA

Malaysian Palm Oil Board

(Kementerian Perladangan Dan Komoditi)

Memorandum

Kepada / To : Semua Pegawai TUNAS Kawasan
Daripada / From : Hj. Khairuman Hashim, Ketua Unit Khidmat Pengembangan (ESU)
Tarikh / Date : 3 Oktober 2022
Perkara / Subject : **Penggunaan Aplikasi Baja Sawit Kepada Pekebun Kecil Sawit**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Aplikasi Baja Sawit berasaskan infografik dibangunkan oleh Penyelidik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kerjasama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) di bawah geran Kursi Endowment MPOB/UKM untuk dijadikan panduan Amalan Baik Pembajaan Di Kalangan Pekebun Kecil Sawit. Aplikasi Baja Sawit ini telah dilancarkan semasa Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit 2022 pada 20 – 21 September 2022 bertempat di Hotel Pullman, Miri, Sarawak yang telah dirasmikan oleh YB. Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Malaysia.

3. Sehubungan dengan itu, mohon semua Pegawai TUNAS Kawasan (PTK), bagi memastikan Pekebun Kecil Sawit Persendirian di kawasan SPOC masing – masing dapat menggunakan Aplikasi Baja Sawit yang boleh dimuat turun melalui *google play store* atau *App Store iOS* secara atas talian.

4. Adalah diharapkan dengan menggunakan Aplikasi Baja Sawit ini akan dapat meningkatkan produktiviti BTS dan seterusnya dapat meningkatkan pendapatan pekebun kecil sawit di seluruh negara.

Segala perhatian dan kerjasama daripada tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan diakhiri ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

s.k: - Pengarah Bahagian Penyelidikan Pembangunan Pekebun Kecil (SDRD)
- Ts. Prof. Madya Dr. Azura Ishak (UKM)